

**PENGENDALIAN
KES PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH PERLIS :
SATU TINJAUAN**

**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS
02600 ARAU
PERLIS
MALAYSIA**

OLEH:

**PROF. MADYA CHE LATIFAH BT HJ. ISMAIL
ABD AZIZ BIN HARJIN
ABDUL MUIN BIN ABDUL RAHMAN**

JULAI 2002

PENGENDALIAN
KES PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH PERLIS :
SATU TINJAUAN


OLEH:

PROF. MADYA CHE LATIFAH BT HJ. ISMAIL
ABD AZIZ BIN HARJIN
ABDUL MUIN BIN ABDUL RAHMAN

JULAI 2002

AHLI KUMPULAN PENYELIDIK

PROF. MADYA CHE LATIFAH BT HI. ISMAIL
Ketua Penyelidik



.....
Tandatangan

ABD AZIZ BIN HARJIN
Ahli Penyelidik



.....
Tandatangan

ABDUL MUIN BIN ABDUL RAHMAN
Ahli Penyelidik



.....
Tandatangan

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya kami amat menghargai segala sokongan dan bantuan yang telah diberikan oleh pihak Biro Penyelidikan & Perundingan Universiti Teknologi MARA dalam menjayakan projek ini.

Ucapan penghargaan ini ditujukan juga kepada Pengarah Kampus Universiti Teknologi MARA Kampus Arau yang telah memberi dorongan kepada kami untuk menjalankan kajian ini. Kami juga merakamkan jutaan terima kasih kepada bekas Koordinator BRC UiTM Kampus Arau Dr. Mohd. Nizar Hj. Hassan dan kini Dr. Mahadzir Din yang banyak memberi bimbingan dan meletakkan idea-idea bernas dalam memperkemas kajian ini.

Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada mereka yang terlibat secara langsung terutamanya pensyarah-pensyarah Pusat Pendidikan Islam, UiTM Kampus Arau juga pensyarah-pensyarah matematik dan komputer yang memberi tunjuk ajar dalam pemprosesan dan analisis data.

Kami mengucapkan jutaan terimakasih kepada pihak Mahkamah Syariah Perlis khasnya Tuan Qadhi, Tuan Haji Osman Ismail, Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam En. Suhaimi Hj. Mahmud juga kepada Puan Natrah binti Din, Pembantu Tadbir Mahkamah yang banyak memberi maklumat dalam penyelidikan ini.

Akhirnya kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini terutamanya editor, juru taip, juru analisis, pensyarah dan pembantu penyelidik En. Mohd. Ruhaidy Ramli. Sesungguhnya tanpa pengorbanan dari mereka tidak mungkin kajian ini dapat disempurnakan.

Abstrak

Perkahwinan merupakan suatu sunnah yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. bagi sesiapa yang berhasrat melakukannya. Bagaimanapun apabila ianya tidak dapat diteruskan lagi maka perceraian dibenarkan oleh Syarak. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud bahawa sebenci-benci perkara yang halal di sisi Allah s.w.t. ialah Talaq.

Perceraian atau Talaq dalam Islam berlaku melalui beberapa cara iaitu talaq secara sareh, ta'lik, fasakh dan sumpah li'an. Talaq juga mempunyai syarat-syarat dan rukun-rukun tertentu. Bagaimanapun terdapat banyak laporan dalam media kini mengenai kes-kes perceraian yang dikendalikan di mahkamah-mahkamah syariah seluruh Malaysia melalui proses pengendalian dalam jangka masa yang panjang untuk diselesaikan.

Keadaan ini menimbulkan masalah kepada wanita yang diceraikan dan diibaratkan gantung tidak bertali. Kelewatan ini juga mengakibatkan timbul masalah dari segi tuntutan nafkah, hak penjagaan anak-anak, nafkah anak-anak dan lain-lain. Oleh itu satu kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi mengenali masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah Perlis dalam mengendalikan kes-kes perceraian.

Hasil daripada tinjauan dan kajian yang telah dijalankan beberapa masalah yang menghalang proses pengendalian kes berjalan dengan lancar telah dikenal pasti. Justeru itu beberapa langkah positif perlu diambil dalam menangani masalah ini. Antaranya perlu penambahan hakim bicara di Mahkamah Syariah Negeri Perlis, menambah bilangan kakitangan mahkamah dan menambah dewan perbicaraan.

Masalah penyempurnaan saman merupakan antara masalah yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada berlakunya penangguhan ke atas sesuatu kes seperti masalah pertukaran alamat, waktu penghantaran saman yang tidak sesuai, tiada penyelarasan undang-undang antara negeri-negeri, tiada senarai rujukan tindakan (check list), masalah enggan hadir ke mahkamah, perancangan masa yang kuran teratur, kurang pendedahan mengenai prosedur mahkamah kepada orang ramai, tiada biro pemantauan dan penyelidikan.

Oleh itu begitu pihak-pihak yang bertanggungjawab dari masa ke semasa perlu mengkaji, menyelidik dan mengambil langkah-langkah yang positif dan berkesan dengan segera dalam menangani masalah-masalah kes-kes tertangguh lama khususnya di Mahkamah Syariah Negeri Perlis dan Malaysia amnya.